

Kerajaan tidak paksa COLA sektor swasta

UM - 1/6/2007

KUALA LUMPUR 31 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan tidak akan memaksa majikan swasta memperkenalkan bantuan sara hidup (COLA) untuk pekerja sektor tersebut.

Perdana Menteri berkata, terpulang kepada mereka untuk melaksanakan COLA atau sebaliknya kerana ia menjadi hak majikan dan kerajaan tidak akan campur tangan.

"Majikan lebih tahu apa yang perlu dibuat terutama yang melibatkan kepentingan syarikat dan begitu juga dengan kepentingan pekerja-pekerja mereka.

"Kerajaan tidak akan campur tangan

dalam perkara ini. Terpulanglah kepada mereka untuk memikirkan jalan terbaik," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya kemungkinan kerajaan akan meminta pihak swasta memperkenalkan COLA bagi mengurangkan beban kewangan pekerja sektor berkenaan.

Perdana Menteri sebelum ini mengumumkan kerajaan telah bersetuju menaikkan 100 peratus COLA untuk kakitangan awam.

Dalam perkembangan sama beliau memberitahu, kerajaan bersetuju menaikkan kadar COLA untuk kakitangan awam kerana mereka berhak mendapat kemudahan tersebut.

"Dalam keadaan sekarang kewangan kerajaan mampu untuk menaikkan kadar elaun dan anggota awam dan kerajaan berpendapat mereka berhak menerimanya," ujarnya.

Terdahulu, Perdana Menteri memberitahu, MT hari ini juga bersetuju untuk memanggil veteran bukan sahaja di kalangan parti UMNO tetapi semua parti komponen

untuk menyertai sambutan ulang tahun kemerdekaan negara ke-50 Ogos ini.

Menurut beliau, veteran tersebut akan turut dipanggil untuk menyampaikan ceramah berhubung pengalaman mereka semasa berjuang menuntut kemerdekaan negara.

Beliau juga memberitahu, MT turut membincangkan mesyuarat UMNO peringkat cawangan yang sedang berlangsung di seluruh negara.

"Saya nasihatkan supaya mesyuarat dijalankan dengan baik dan mengikut peraturan," tambahnya.